

Bukan semua tidak bahagia

Metro
6/1/13 MS 4.



ISMAIL bahagia bersama isteri dan anak-anaknya di Medan.

Medan Tidak semua lelaki Malaysia gagal mengecapi kebahagiaan berkongsi hidup dengan wanita Medan, sebaliknya mampu menikmati sebagai ketua keluarga.

Ini dibuktikan pasangan Ismail Othman, 45, yang berasal dari Melaka dan Diana Osman, 39, dari Kampung Tanjung Putus, Kecamatan Padang Tualang, dekat sini.

Diana dan Ismail mendirikan rumah tangga 22 tahun lalu dan dikurniakan dua anak perempuan, Isliana, 18, dan Selina, 10, serta seorang anak lelaki, Mohd Danial, 13.

Ismail berkata, semua ahli keluarganya tinggal di Malaysia dan hanya pulang ke Medan jika ada urusan tertentu atau menyambut lebaran.

putus tunang dengan gadis tempatan sebelum berjumpa isteri. Ketika itu kami bekerja di kilang sama dan bermula dengan usik mengusik, timbul bibit percintaan.

"Saya masih ingat ketika hendak berkahwin, saya yang menguruskan semua urusan daripada perihal keperluan perkahwinan hinggalah urusan imigresen.

"Malah, ketika majlis pernikahan, saya datang ke sini seorang diri dengan hanya berpandukan kepada alamat diberikan isteri," katanya.

Ketika itu Ismail membawa RM7,000 dan setiba di lapangan terbang pada waktu malam, dia berpura-pura keletihan serta mengaku pernah ke kampung isteri kerana bimbang ditipu pemandu teksi, sedangkan itulah kali pertama dia menialah...



ISMAIL membantu keluarga isteri menyiapkan jamuan sempena kenduri tahlil bapa mentuanya di Tanjung Putus, baru-baru ini

“ Saya bersyukur dengan limpahan rezeki diberikan Allah serta kesabaran dimiliki hingga membolehkan kami bahagia hingga ke hari ini”

Ismail Othman

rinya jauh dari bandar, malah telegram yang dihantar tidak boleh sampai ke rumah, menyebabkan tiada siapa menjemputnya di lapangan terbang.

"Hanya ada satu telefon di

gangan agama teguh, selain memiliki kesabaran tinggi kerana jika kedua-dua elemen itu tidak dimiliki, rumah tangga boleh hancur.

"Saya mengahwini isteri kerana tahu dia hidup serba daif dan pasti dia tidak peduli jika kami hidup susah satu hari nanti. Bagaimanapun, segala-galanya berubah kerana selepas berumah tangga, saya dapat rasakan isteri tidak gemar hidup serba kekurangan.

"Apapun, saya bersyukur dengan limpahan rezeki diberikan Allah serta kesabaran dimiliki hingga membolehkan kami bahagia hingga ke hari ini," katanya.

Menurutnya, ramai ra-

Dia yang tidak segan ber-kongsi cerita mengenai rumah tangganya berkata, pada peringkat awal, hasratnya mendapat tentangan keluar-ga yang kurang bersejua dengan tindakannya memper-isterikan wanita dari seberang kerana khuatir berdepan pelbagai masalah.

"Sebenarnya saya dua kali

pertama dia menjejakan kaki ke Medan.

"Sepanjang perjalanan, saya hanya tidur dan sesekali membuka mata serta membiarkan pemandu teksi bertanya alamat kepada orang lain hinggalah saya tiba di rumah bakal mentua," katanya.

Menurutnya, rumah iste-



"Hanya ada satu telefon di sini, itupun enam kilometer dari sini, dan jika berutus surat, selepas seminggu baru kami dapat meluahkan rasa rindu masing-masing," katanya.

Menurutnya, ada satu perkara yang dipelajarinya sepanjang berkongsi hidup dengan wanita Medan, iaitu si suami harus mempunyai pe-

nyertaannya, rumah ta-kannya tidak dapat melayari alam rumah tangga dengan wanita Medan bagi tempoh lama kerana mereka akan berubah sikap selepas mempunyai anak dan mula mengejar kemewahan atau hiburan yang tidak kecapi ketika hidup susah.

>>Lagi berita muka 8

Kebanyakan lelaki Malaysia pilih gadis Jawa

Oleh **NURUL HUSNA MAHMUD**
metahad@hmetro.com.my

Kuala Lumpur Jumlah perkahwinan lelaki Malaysia dengan warga Indonesia makin meningkat sejak beberapa tahun kebelakangan ini, dengan kebanyakannya memilih gadis Jawa.

Angka itu belum membatiskan pernikahan melalui sindiket atau lebih dikenali sebagai perkahwinan 'sirri' atau 'di bawah tangan' di Indonesia.

Berikutan itu, Kedutaan Besar Malaysia di Indonesia memperingatkan lelaki Malaysia yang berhasrat mendirikan rumah tangga dengan gadis seberang supaya mengelak menggunakan khidmat sindiket bagi memasti-

kan hak isteri dan anak terbelah kemudian hari.

Atase Agamanya, Abdul Aziz Jusoh menyarankan lelaki Malaysia mendaftar perkahwinan mereka bersama wanita Indonesia dengan kedutaan.

"Tidak dinafikan, kami kerap menerima kedatangan lelaki Malaysia yang mahu mendapat kebenaran atau mendaftar perkahwinan mereka dengan wanita Indonesia.

"Sejak lima tahun lalu, angka direkodkan meningkat dan setakat ini mengikut taburan kawasan pula, majoriti mereka memilih wanita kepulauan Jawa.

"Prosedurnya mudah, tidak banyak bezanya dengan perkahwinan yang berlang-

sung di Malaysia. Pasangan perlu mengemukakan dokumen lengkap serta surat kebenaran dikeluarkan Atase Agama sebelum dinikahkan jurunikah bertaualiah oleh jabatan agama di sana seperti prosedur perkahwinan di Malaysia.

"Selain itu, lelaki terbabit perlu menjelaskan status diri menerusi surat daripada jabatan agama negeri di Malaysia dan yang berkahwin pula perlu disertakan surat kebenaran isteri pertama," katanya.

Abdul Aziz berkata, tidak dinafikan perkahwinan di luar kebenaran disebut sebagai perkahwinan 'sirri' atau 'di bawah tangan' yang dinikahkan ejen tertentu.

"Perkahwinan 'sirri' dilihat

Info



Perkahwinan berdaftar lelaki Malaysia di Indonesia

2008: 272 pasangan
2009: 391 pasangan
2010: 408 pasangan
2011: 388 pasangan
2012: 407 pasangan

Sumber: Pejabat Atase Agama Kedutaan Besar Malaysia di Indonesia

seperti fenomena perkahwinan sindiket di Malaysia. Ia tidak diperakui jabatan agama kerana kesahihan status perkahwinan mereka tidak jelas.

"Kita menyarankan pasangan yang berkahwin dengan

cara sedemikian segera berhubung dengan pihak berkuasa agama di negeri masing-masing supaya status perkahwinan berkenaan dapat ditentukan.

"Ini kerana kita bimbang kegagalan menjelaskan status perkahwinan akan menjadi punca timbulnya masalah lain seperti hak isteri dan nasab anak, sekali gus menjejaskan institusi kekeluargaan Islam," katanya.

Sementara itu, Duta Besar Malaysia ke Indonesia, Datuk Syed Munshe Afdzaruddin Syed Hassan berkata, pihaknya sedia membantu memudahkan urusan pendaftaran perkahwinan dan kelahiran membabitkan pasangan terbabit.

"Pihak kedutaan sedia



AZIZ

membantu pasangan terbabit sama ada dari segi visa sosial keluar masuk kedua-dua negara, pendaftaran anak dan waris pasangan mahupun perkahwinan kedua-duanya.

"Ia lebih baik kerana sekurang-kurangnya dapat mengelak perkara lebih serius timbul apabila prosedur berkaitan gagal dipenuhi," katanya.